

UEM EDGENTA PERKUKUH KOMITMEN TERHADAP PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR SARAWAK MENERUSI JAMBATAN BATANG LUPAR

KUALA LUMPUR, 27 Julai – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur yang dilantik sebagai Perunding Pengurusan Projek (PMC), terus memperkukuhkan infrastruktur Sarawak. Susulan kejayaan menyiapkan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak, Syarikat kini mempertingkatkan lagi keupayaan pengurusan projek menerusi pelaksanaan projek mega Jalan Persisir Sarawak dan Jalan Utama Kedua Sarawak (CSTR). Tunjang utama kepada projek infrastruktur bernilai RM11 bilion ini ialah Jambatan Batang Lupar 1 yang telah dirasmikan oleh Premier Sarawak pada 9 Julai lalu. Sebagai jambatan merentasi sungai terpanjang di Malaysia, struktur ikonik ini bukan sekadar satu pencapaian kejuruteraan, malah berfungsi sebagai penghubung utama yang menyatukan rangkaian jalan persisir negeri.

Disebalik kejayaan menghubungkan Sebuyau dan Triso, terselit kisah sebenar pembinaan Jambatan Batang Lupar 1, satu perjalanan yang mencerminkan ketekunan dan keazaman kejuruteraan dalam merealisasikan projek ini. Diterajui oleh Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR Sarawak) sebagai peneraju utama projek, pembinaan struktur mega merentasi salah satu sungai paling mencabar di negeri ini memerlukan tadbir urus teknikal yang amat rapi. Bekerjasama rapat dengan JKR Sarawak, UEM Edgenta menyediakan pengurusan projek serta penyeliaan teknikal yang kritikal bagi memastikan visi besar ini dilaksanakan dengan selamat dan cekap.

Merentasi muara Batang Lupar sepanjang 4.844 kilometer, jambatan kabel pancang ini melintasi halangan geografi utama yang selama ini memisahkan komuniti di kawasan persisir. Jambatan ini merupakan sebahagian daripada rangkaian CSTR yang merangkumi 14 jambatan utama, termasuk lima (5) jambatan kabel penahan yang menjadi mercu tanda pembangunan infrastruktur Sarawak. Pembinaan struktur sebesar ini memerlukan pemasangan cerucuk yang menjangkau jauh ke dasar sungai yang kompleks serta pengurusan ratusan ribu tan metrik bahan binaan. Sebagai PMC, UEM Edgenta dipertanggungjawabkan untuk menyelaras pelbagai kontraktor, memastikan pematuhan kepada piawaian keselamatan dan kualiti antarabangsa, serta memastikan pelaksanaan projek mengikut jadual walaupun berdepan cabaran persekitaran yang tidak menentu.

Mengulas mengenai skala penyelarasan teknikal tersebut, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta, Shaiful Subhan berkata, “Menghubungkan jurang geografi yang begitu besar memerlukan penyelarasan keupayaan teknikal yang luar biasa. Di UEM Edgenta, penyelesaian infrastruktur kami direka untuk mengurus tahap kerumitan seperti ini, sekali gus memastikan integriti struktur serta pengurusan projek Jambatan Batang Lupa 1 memenuhi piawaian keselamatan dan kualiti antarabangsa tertinggi.”

Bagi merealisasikan projek ini, UEM Edgenta memanfaatkan teknologi pengurusan projek terkini. Projek berskala besar seperti ini memerlukan lebih daripada sekadar pemantauan konvensional; ia menuntut ketepatan digital yang tinggi bagi memenuhi spesifikasi yang ketat. Dengan memanfaatkan analitik pembinaan masa nyata serta pemantauan tapak menggunakan dron, UEM Edgenta bersama pasukan projek berjaya mengekalkan pemantauan menyeluruh sepanjang hampir lima (5) kilometer jajaran jambatan bagi memastikan jaminan kualiti dilaksanakan secara menyeluruh. Pendekatan berasaskan teknologi ini memastikan setiap komponen dihasilkan dan dipasang mengikut spesifikasi yang ditetapkan sebelum dibawa ke lokasi pemasangan.

Lebih penting lagi, peranan Syarikat di lapangan bukan sekadar tertumpu kepada penyiapan projek. Dengan melibatkan jurutera dan kontraktor tempatan Sarawak secara aktif dalam penggunaan teknologi BIM dan dron, projek ini turut menjadi platform pemindahan ilmu dan kepakaran khusus yang memperkukuh keupayaan tempatan untuk mengendalikan projek mega maritim pada masa hadapan.

Cabaran projek Batang Lupa bukan sahaja melibatkan aspek geografi dan struktur, malah turut merangkumi faktor alam sekitar yang sangat mencabar. Sungai ini terkenal dengan fenomena benak (tidal bore) yang kuat serta arus yang deras. Selain itu, Lembangan Batang Lupa merupakan habitat semula jadi kepada antara populasi buaya muara terbesar di rantau ini, yang sinonim dengan legenda Bujang Senang. Bagi UEM Edgenta, pengurusan keselamatan tapak memerlukan pendekatan yang jauh lebih menyeluruh daripada prosedur operasi biasa. Tadbir urus Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE) diperluaskan melangkaui pengurusan jentera berat dengan merangkumi langkah keselamatan maritim yang ketat, pemantauan pasang surut serta kesedaran terhadap ekologi setempat. Kejayaan mencapai jutaan jam bekerja tanpa insiden besar dalam persekitaran sungai yang mencabar ini membuktikan budaya keselamatan yang tinggi yang diterapkan oleh Syarikat di setiap peringkat pelaksanaan projek.

Akhirnya, kepakaran kejuruteraan yang dicurahkan dalam pembinaan Jambatan Batang Lupa 1 bukan sekadar diukur melalui kehebatan strukturnya, tetapi juga melalui impak jangka panjang kepada rakyat dan komuniti yang dihubungannya. Selama beberapa dekad, perjalanan antara bandar-bandar pesisir yang dipisahkan oleh sungai ini bergantung kepada perkhidmatan feri, sekali gus menjadi kekangan kepada aktiviti ekonomi tempatan serta melambatkan perkhidmatan kecemasan. Melalui kejayaan menyelia pembinaan jambatan ini, UEM Edgenta menyokong usaha Kerajaan Negeri Sarawak dalam merapatkan jurang sosioekonomi yang wujud. Jambatan ini dijangka mengurangkan masa perjalanan dengan ketara, membuka peluang pelaburan baharu di sepanjang kawasan pesisir, memperkukuh rantai bekalan sektor pertanian serta meningkatkan akses masyarakat luar bandar kepada kemudahan kesihatan dan pendidikan.

Bersempena sambutan Hari Sarawak yang baru sahaja diraikan, pelancaran jambatan ini membawa makna yang cukup besar. Pengarah Urusan Infrastructure Solutions UEM Edgenta, Raihana Ahmad, berkata projek ini melambangkan aspirasi yang lebih besar daripada sekadar sebuah struktur fizikal. “Jambatan ini merupakan manifestasi perpaduan. Bagi kami di UEM Edgenta, menyelia pelaksanaan projek ini merupakan satu tanggungjawab kepada negara. Seiring dengan semangat Hari Sarawak, kami amat berbangga kerana kepakaran kejuruteraan dan penyeliaan yang kami laksanakan telah membantu mengubah sebuah struktur konkrit menjadi nadi penghubung yang akan membawa kemakmuran bersama kepada masyarakat luar bandar dan pesisir.”

Usaha tersebut turut mendapat pengiktirafan apabila UEM Edgenta menerima IEM Pinnacle Award 2026 dalam kategori Engineering & Construction, yang disampaikan oleh Institution of Engineers Malaysia (IEM) sempena Majlis Makan Malam Tahunan dan Anugerah ke-67 badan profesional itu. Anugerah tersebut mengiktiraf peranan UEM Edgenta sebagai PMC yang bekerjasama rapat dengan JKR Sarawak dalam menjayakan projek ikonik ini.

Hari ini, Jambatan Batang Lupa 1 bukan sahaja berdiri megah sebagai jambatan merentasi sungai terpanjang di negara ini, malah menjadi simbol kebanggaan Sarawak serta kedaulatan ekonomi wilayah Sarawak. Di sebalik keagungan strukturnya terserlah kepakaran teknikal, tadbir urus yang mantap, inovasi teknologi serta komitmen tinggi terhadap keselamatan oleh UEM Edgenta yang menjadi pemacu utama dalam merealisasikan aspirasi pembangunan infrastruktur terbesar Sarawak.

Untuk maklumat lanjut mengenai UEM Edgenta, layari <https://www.uemedgenta.com>.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta

UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta"), anak syarikat milik penuh UEM Group Berhad, merupakan sebuah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur yang menyediakan penyelesaian bersepadu menyeluruh merentasi keseluruhan kitaran hayat aset. Syarikat menggabungkan kecemerlangan kejuruteraan dalam reka bentuk, pengurusan projek dan perundingan aset dengan keupayaan pengurusan aset berteraskan teknologi bagi mengoptimumkan prestasi, kecekapan dan daya tahan aset.

Dengan operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Kerajaan Arab Saudi, UEM Edgenta menyokong prestasi aset kritikal secara mampan dan boleh dipercayai, termasuk kemudahan penjagaan kesihatan, rangkaian pengangkutan serta infrastruktur perindustrian.